

# UMS komited bantu hospital, agensi tangani Covid-19

DE 01.05.2020 P.3

KOTA KINABALU: Memasuki fasa keempat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), UMS terus menggerakkan khidmat tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu kerajaan memutuskan rantaian wabak Covid-19 yang telah mengorbankan hampir 100 nyawa di negara ini.

CSR menerusi aktiviti sumbangan produk dan peralatan perlindungan diri kepada petugas barisan hadapan digiatkan lagi, dengan sumbangan cecair pembasmi kuman dan pelindung muka kepada Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang dijadikan salah sebuah Pusat Kuarantin Covid-19 di Sabah.

Sumbangan 20 liter pembasmi kuman tambahan kepada 10 liter yang telah diserahkan sebelum ini, dan 30 unit pelindung muka disempurnakan oleh Pengarah Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS) UMS, Prof Madya Dr Zaleha A Aziz.

Beliau menyerahkan sumbangan tersebut kepada Pegawai Psikologi, Rachel Chai yang mewakili ILKKM di Makmal PIPS, UMS.

Sebelum ini, pihak UMS juga telah menyumbangkan 50 liter pembasmi kuman dan 150 topeng muka kepada pihak Hospital Tuaran.

Dr Zaleha dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie telah menyampaikan sumbangan tersebut kepada wakil Hospital Tuaran, Ruslinah Sahli.

Penghasilan kedua-dua produk tersebut yang melibatkan kerjasama penyelidik daripada beberapa fakulti itu dijangka akan diteruskan bagi memastikan kumpulan petugas barisan hadapan sentiasa mendapat bekalan perlindungan diri yang selamat ketika menjalankan tugas menangani wabak Covid-19.